

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**METAFORA JENAYAH SEKSUAL  
DALAM AKHBAR TABLOID:  
ANALISIS TEORI HIBRID**

**NUR FAIZZAH BINTI MOHD ZALKANIL**

Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi keperluan  
ijazah untuk  
**Sarjana**

**Akademi Pengajian Bahasa**

**Mei 2019**

## **ABSTRAK**

Tujuan utama penghasilan kajian ini adalah untuk mencungkil siratan makna metafora jenayah seksual yang terselindung dalam akhbar tabloid Melayu di Malaysia. Hal ini kerana, metafora dalam media memainkan peranan yang amat penting kerana dapat mempengaruhi kognitif pembaca terhadap isu yang dibincangkan. Secara zahirnya, metafora merupakan perbandingan di antara dua entiti yang berbeza. Perbandingan ini memudahkan pemahaman pembaca terhadap sesuatu isu yang kompleks misalnya jenayah. Namun begitu, jika penggunaan metafora dalam penulisan akhbar tidak tepat, maka kesalahfahaman terhadap isu yang dibincangkan akan berlaku. Disebabkan itu, kajian ini telah memanfaatkan himpunan teks akhbar terbitan *The News Straits Times Press (NSTP)* dalam pangkalan digital iaitu *New Images Bank (NIB)*. Terdapat enam jenayah seksual yang dikaji dalam kajian ini iaitu jenayah seksual pedofilia, cabul, rogol, pelacuran, sumbang mahram, dan liwat. Sebanyak 269 artikel yang dihimpunkan daripada empat akhbar iaitu Harian Metro, Metro Ahad, Berita Harian, Berita Minggu telah dimanfaatkan sebagai data dalam kajian ini. Seterusnya, kajian ini memanfaatkan teori Hibrid untuk menganalisis kesemua data yang terdapat dalam artikel tersebut. Pengaplikasian teori Hibrid dalam kajian ini merupakan kunci utama dalam menyelami isu jenayah seksual di Malaysia secara spesifik dan sistematik. Manakala, kehadiran pangkalan simpanan data secara digital pula membantu penyelidik dalam mengenal pasti metafora yang digunakan oleh pengarang berita bagi menggambarkan sifat jenayah seksual itu sendiri. Maka itu, penginterpretasian metafora secara tidak langsung membantu penyelidik dalam memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai jenayah seksual di Malaysia yang disampaikan secara implisit (metafora) dalam akhbar. Penelitian unsur metafora ini dapat membantu dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap ancaman jenayah seksual di Malaysia. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa ketepatan penggunaan metafora dalam berita jenayah seksual oleh pengarang akhbar amat penting dalam usaha memberi kefahaman terhadap masyarakat seterusnya membendung jenayah tersebut daripada terus berleluasa.

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirahim... Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan penulisan ilmiah bagi peringkat Ijazah Sarjana ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat cendekiawan terbilang Dr Rozaimah Rashidin selaku penyelia utama penulisan ilmiah ini. Sesungguhnya, beliau begitu banyak memberikan tunjuk ajar,bimbingan yang tidak pernah jemu serta pengorbanan masa dan tenaga sepanjang menyelia saya. Tanpa bimbingan beliau, penulisan ilmiah ini tidak akan pernah dapat disempurnakan.Setiap ilmu yang dititipkan akan senantiasa tersemat dalam kehidupan saya. Begitu juga buat insan cendekiawan terbilang Dr Norhazlina Husin selaku penyelia kedua yang tidak pernah putus mendoakan kelancaran perjalanan saya menuntut ilmu. Seterusnya, buat cendekiawan terbilang Dr Norizah Ardi, Cik Amirah Ahmad, Puan Nordiana Saupi dan Puan Nurrissammimayantie Ismail yang membimbng, serta mengajar saya untuk menjadi insan yang senantiasa bersyukur dengan nikmat-Nya. Sesungguhnya, kehadiran mereka menjadi sumber kekuatan saya meneruskan perjalanan sarjana ini. Begitu juga kepada kesemua penyarah Akademi Pengajian Bahasa yang tanpa jemu mencurahkan ilmu kepada saya. Tanpa segala sokongan serta tunjuk ajar, mungkin penulisan ini tidak dapat dihasilkan dengan jayanya. Tidak juga dilupakan kepada penaja saya iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah menaja dan membiayai pengajian saya sepanjang saya melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Di samping itu, jutaan tidak terhingga kepada UiTM kerana memberikan peluang kepada saya untuk menuntut ilmu di sini.

Seterusnya, buat insan teristimewa dalam hidup saya iaitu ibu tercinta, dan abah tercinta, En Mohd Zalkanil Bin Saruji yang tidak jemu mendoakan kejayaan saya, mendorong serta memberikan kasih sayang yang tidak terhingga kepada saya. Buat keluarga tercinta, kekanda-kekanda saya- Along, Angah, dan De serta kakak ipar saya K.Long, K.Ngah dan K.De yang tidak jemu mendoakan dan memberikan semangat kepada adikmu ini. Sesungguhnya, kejayaan ini adalah hadiah buat kalian semua. Selain itu, penghargaan ini juga ditujukan buat sahabat tercinta yang ada di setiap perjuangan dan sepanjang keberadaan saya di sini- Nureen Amalina Binti Mat Resid, dan Nur Zahirah Sofia Binti Zakaria serta kawan serumah yang sudah dianggap sebagai kakak- K.Zakiah, K.Aishah, dan K.Aida, terima kasih kerana senantiasa bersama-sama mengharungi dan berkongsi pengalaman di medan ilmu ini.

Akhir kata, budi dan kebaikan yang dihulurkan, hanya Yang Maha Esa sahaja dapat membalasnya. Sememangnya yang baik itu adalah daripada kurniaan Allah S.W.T dan yang buruk itu adalah kelemahan diri saya sendiri.  
Sekian, terima kasih.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.5.1 Kepentingan Ketepatan Penggunaan Metafora dalam Media	9
1.5.2 Dimensi Baru Terhadap Kajian Metafora Jenayah	9
1.5.3 Inovasi Penginterpretasian Metafora Bersifat Konkrit	10
1.6 Batas Kajian	10
1.7 Definisi Konsep	11
1.7.1 Metafora	11
1.7.2 Jenayah Seksual	16
1.7.3 Akhbar Tabloid	14
1.7.2 Teori Hibrid	14
1.8 Kesimpulan	14
<b>BAB DUA: KAJIAN LEPAS</b>	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian Metafora dalam bidang semantik kognitif	15
2.3 Kajian Metafora Dalam Perundangan dan Kes Jenayah	17
2.4 Kajian Metafora Dalam Media	20

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Jenayah merujuk kepada perbuatan menyalahi undang-undang seperti yang telah termaktub dalam perundangan sesebuah negara. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan mendatangkan kemudaratan dan kesan yang negatif kepada orang lain. Menurut Salleh Abas (1989), jenayah boleh ditakrifkan sebagai kesalahan yang dilakukan oleh individu atau kumpulan dengan niat hendak melakukan kesalahan itu sehingga membawa kecederaan atau maut terhadap mangsanya. Selain itu, jenayah juga diertikan sebagai kelakuan jenayah yang menyalahi perundangan sesebuah negara tersebut. Maka itu, sebarang perbuatan jenayah akan menyebabkan si pelaku menerima hukuman. Oleh itu, setiap jenayah yang dilakukan akan diadili di mahkamah dan seterusnya dijatuhkan hukuman setimpal dengan perbuatan jenayah yang dilakukan berdasarkan undang-undang jenayah yang ada di negara masing-masing.

Jenayah boleh diklasifikasikan kepada beberapa kelompok mengikut kesalahan yang dilakukan iaitu jenayah sivil dan jenayah kanun keseksaan (*Penal Code*). Jenayah seksual dikategorikan dalam kelompok jenayah kanun keseksaan berikutan justifikasi perbuatan dan kesannya kepada mangsa. Hal ini kerana, jenayah seksual merupakan perbuatan jenayah yang mampu memberikan impak negatif kepada mangsanya. Kesan ini dapat dilihat terutamanya kepada kanak-kanak kerana jenayah seksual ini akan mempengaruhi pembesaran mereka dan juga masa hadapan mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian mengenai pedofilia. Antara salah satu punca seseorang itu menjadi pedofil adalah disebabkan oleh masa lampau pemangsa yang juga pernah menjadi mangsa jenayah seksual semasa kecil (DiChristina, 2009). Selain itu, Siegel (2006) turut menyatakan bahawa antara aspek berlakunya jenayah adalah disebabkan oleh ekonomi, pengetahuan teknik melakukan jenayah, dan pengalaman lampau. Kenyataan ini secara tidak langsung menyokong kenyataan yang dibuat oleh DiCrishtina (2009) mengenai aspek pengalaman lampau menjadi faktor berlakunya jenayah. Maka itu,